

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR
[KULIM BANDAR BAHARU]**

TARIKH : 14 MAC 2018 (RABU)

Dato' Abd Aziz Bin Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan usaha Kementerian dalam membantu memperkenalkan serta menaik taraf peniaga kaki lima kepada perniagaan berkonsepkan karavan atau trak makanan (food truck) terutamanya kepada golongan belia. Bagaimanakah pihak Kementerian dapat menghubungkan kerjasama antara Kementerian berkaitan seperti KKLW, Kementerian Pertanian, KPDNKK dan agensi lain melalui program NBOS untuk memperkasakan lagi produk food truck ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah dan sedang melaksanakan program-program bagi memperkasakan perniagaan *food truck*. Untuk makluman, usaha-usaha pembangunan usahawan *food truck* telah dilaksanakan oleh Kementerian sejak tahun 2015 secara NBOS yang melibatkan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Putrajaya iaitu di bawah **Program 1Malaysia Mobile Hawkers (1MMH)**.

Program 1MMH merupakan program perintis bagi mentransformasikan kaedah perniagaan statik atau bergerak kepada konsep yang moden berbentuk trak makanan (*food truck*). Di bawah program ini, **seramai sepuluh (10) peserta dipilih** dan menjadi **projek perintis di Putrajaya**. Hasil kerjasama ini juga, satu (1) tapak niaga yang dikenali sebagai Food Truck Hotspot di Putrajaya telah dibangunkan untuk membantu peniaga di bawah Program 1MMH.

Industri *food truck* sudah mula berkembang di mana kita dapat melihat penglibatan lebih banyak kementerian, agensi-agensi Kerajaan mahupun swasta dalam pembangunan perniagaan *food truck*. Peniaga-peniaga *food truck* juga telah diminta untuk beroperasi di kawasan premis- kerajaan dan agensi serta turut terlibat dalam penganjuran acara-acara utama mereka.

Sehubungan dengan peningkatan ini, Kementerian juga melaksanakan pelbagai program antaranya:

- a) Program promosi perniagaan *food truck* (konvoi *food truck* dari seluruh negeri);
- b) Program Latihan pembangunan perniagaan secara NBOS seperti Program Transformasi Minda, Program Jelajah Transformasi Perniagaan dan Kursus Pemantapan Peniaga dan Penjaja kecil;
- c) Program pembangunan tapak hotspot *food truck* secara NBOS seperti Food Truck Hotspot di Putrajaya, 1MYC Hotspot UPSI dan MyHotspot@PSAS di Perak; dan
- d) Bekerjasama dengan KPKT membangunkan garis panduan perniagaan bergerak.

Malahan di bawah Bajet 2018 juga, turut menyediakan inisiatif pembangunan usahawan *food truck* iaitu di bawah Program Food Truck 1Malaysia (FT1M). KPDNKK sentiasa melibatkan pelbagai kementerian dan agensi lain dalam usaha membangunkan usahawan *food truck* di Negara ini.